

18

Commonwealth
Tertiary Education
Facility (CTEF)
Dialogue 2025:
Penguatan
Kerjasama
Pendidikan Tinggi
Komanwel

26

Melakar 55 Tahun
Kecemerlangan
Pendidikan Jarak
Jauh

35

Mendidik Jurutera
Demi Masa Depan
yang Lebih Selamat:
Pengajaran,
Penyelidikan dan
Inovasi dalam
Mitigasi Bencana
Gempa Bumi

36

Dari Komuniti
ke Peringkat
Kebangsaan: Modul
Penjagaan Gigi Si
Cilik "Senyuman
Menawan"
PPSG USM Raih
Pengiktirafan

51

Program *Back to
Basic* Meningkatkan
Kompetensi
Jururawat PKTAAB
Sumber

Jilid 10

KOLEKSI KHAS FEBRUARI 2026

Kami Memimpin | www.usm.my

TRANSMISI

KISAH KEJAYAAN/PENCAPAIAN BERIMPAK TINGGI

*Jalur cahaya kenderaan yang merentasi jalan di hadapan Dewan Tuanku Syed Putra mencipta panorama malam yang memukau, melambangkan perjalanan ilmu dan aspirasi warga Universiti Sains Malaysia.

Transmisi@MPRC-USM

"Transmisi" adalah *platform* yang menyampaikan maklumat terpilih, ekosistem nilai, wawasan, dan aspirasi Universiti Sains Malaysia (USM) kepada komuniti yang lebih luas. Ia mengintegrasikan sumbangan naratif dari Pusat Tanggungjawab dan Pusat Kecemerlangan USM, bertindak sebagai sumber utama maklumat untuk media tempatan dan antarabangsa, serta meningkatkan profil kenampakan USM dalam kalangan pembaca. *Platform* ini mencerminkan kesinambungan legasi berimpak tinggi dan memperkayakan naratif kejayaan serta pencapaian USM, memastikan nilai Universiti dihargai dan dirasai, sambil memupuk identiti bersama yang kukuh dan lestari dalam konteks akademik.



Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF) Dialogue 2025: Pengukuhan Kerjasama Pendidikan Tinggi Komanwel

Sumber Naratif 1. Dr. Nur Rafidah Asyikin Idris 2. Profesor Madya Dr. Thien Lei Mee

Putrajaya - Universiti Sains Malaysia (USM) melalui **Commonwealth Tertiary Education Facility (CTEF)**, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), berjaya menganjurkan CTEF Dialogue 2025 pada 23 September 2025 di Dewan Za'ba, Putrajaya. Program berimpak tinggi ini menghimpunkan wakil daripada Kedutaan Negara-negara Komanwel termasuk Kenya, The Kingdom of Eswatini, Ghana, Fiji serta British High Commission, di samping institusi pengajian tinggi (IPT), pihak industri dan pemegang taruh utama bagi merangka strategi kerjasama yang inovatif dan mampan dalam bidang pendidikan tinggi.

Bertemakan "Enhancing Tertiary Education Partnerships among Emerging Higher Education Systems in the Commonwealth", dialog ini menggariskan keperluan membina jaringan kerjasama yang inklusif dan tangkas dalam menangani cabaran transformasi digital dan perubahan pasaran kerja global.

YBrs. Profesor Madya Dr. Thien Lei Mee, Pengarah CTEF, menekankan bahawa CTEF berperanan penting dalam penyelidikan, pembangunan dasar, dan khidmat nasihat, sekaligus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik utama dalam landskap pendidikan tinggi global.

Hubungan kerjasama terus diperkukuh apabila YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), mengumumkan penajaan CTEF kepada 30 peserta dari negara Komanwel untuk menyertai Global Higher Education Forum (GHEF 2025), sekali gus mencerminkan komitmen teguh Malaysia dalam menerajui kepimpinan pendidikan di peringkat global.



Sesi perbincangan Meja bulat bersama Kedutaan Negara Komanwel, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Industri



Wakil Kedutaan The Kingdom of Eswatini membentangkan hasil perbincangan meja bulat mengenai "Navigating Global Disruptions and Emerging Trends" dalam konteks negara Komanwel



CTEF sebagai Pemangkin Perubahan

Dialog ini bukan sekadar perkongsian pengalaman, tetapi berperanan sebagai platform strategik untuk mengumpul data, membangunkan dasar, menyokong agenda penyelidikan dan memberi khidmat nasihat bagi memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi di negara komanwel.

YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Samat, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), USM menegaskan bahawa hasil perbincangan dialog ini akan diterjemah kepada cadangan dasar strategik untuk Conference of Commonwealth Education Ministers (CCEM) 2026, sekali gus memperkukuh suara Komanwel di peringkat antarabangsa.

"CTEF berperanan penting dalam penyelidikan, pembangunan dasar dan khidmat nasihat, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik utama dalam landskap pendidikan tinggi global."

INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA



Dialog ini melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kedutaan Negara Komanwel, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Industri



Penyampaian cenderamata daripada YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), diiringi oleh YBhg. Profesor Dato' Gs. Dr. Narimah Samat, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) USM, kepada YBrs. Novie Tajuddin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Education Malaysia Global Services (EMGS)

Secara keseluruhan, dialog ini berfokus kepada pengukuhan kerjasama universiti-industri, memperluas penyelidikan rentas sempadan, pembangunan kepimpinan institusi, serta usaha menangani jurang digital dan penghijrahan bakat (brain drain).

CTEF Dialogue 2025
mencerminkan kesepakatan bahawa **kerjasama berdaya tahan dan berpandangan jauh adalah kunci kepada kemajuan pendidikan tinggi Komanwel, sejajar dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khusus SDG4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG17 (Kerjasama demi Matlamat).**



“Dialog ini menekankan pengukuhan kerjasama universiti-industri, penyelidikan rentas sempadan serta usaha menangani jurang digital dan penghijrahan bakat.”